

**Article Info:**

Published Date: 19 October 2022

\*Corresponding Author: idayuibrahim@uitm.edu.my

## SARUNG BATIK NENEK KU– SUATU APRESIASI SENI

### *My Grandma's Batik Sarong– An Art Appreciation*

\*Nor Idayu Ibrahim<sup>1</sup>, Nur Fatin Umar<sup>2</sup>, Muhamad Rozali Othman<sup>3</sup>,  
Nasyirah Saleh<sup>4</sup>, Zainudin Md Nor

<sup>1,2,3,4,5</sup>

Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, MALAYSIA

**To cite this article (APA):** Ibrahim, N. I., Umar, N. F., Othman, M. R., Saleh, N., & Md Nor, Z. (2022). My Grandma's Batik Sarong– An Art Appreciation. *KUPAS SENI*, 10(2), 39–46. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.5.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.5.2022>

### ABSTRAK

Kajian apresiasi karya seni ini, adalah satu kajian yang berfokuskan kepada apresiasi seni terhadap sebuah karya seni. Hasil karya yang mempunyai elemen budaya tampak masyarakat Melayu, merupakan satu karya yang dihasilkan oleh anak gadis yang mempunyai keakraban kasih bersama neneknya. Penyelidik membuat satu apresiasi karya dengan menerapkan enam nilai estetika oleh Zakaria Ali. Keenam-enam aras nilai estetika itu adalah berhalus, *finesse*, berguna, *functional*, bersatu, *unity*, berlawanan, *constrasting*, berlambang, *symbolic*, dan bermakna, *meaningful*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpulkan data, dan satu temubual bersama pelukis telah diadakan dan dirakam menggunakan peranti telefon pintar penyelidik. Apresiasi karya seni adalah satu kaedah penghargaan seni yang menghasilkan output positif yang diterjemahkan oleh pelukis terhadap karya seni mereka.

**Kata kunci:** Apresiasi karya seni, batik, Melayu, nilai estetika

### ABSTRACT

*This work of an art appreciation study is a study that focuses on art appreciation. The result of a work that has tangible material culture of a Malay community. This art appreciation is based on a oeuvre produced by a Malay girl who has a close relationship with her grandmother. The researcher applying the aesthetic value in appreciation the work of art. The aesthetic values by Zakaria Ali consist of six principles, there are finesse, functional, unity, contrasting symbolic and meaningful. This study implementing the qualitative methods in collecting data and an interview with the artist was held and has been recorded using researcher's smartphone device. Appreciation of an artworks bring positive output that portray the artist intellectual idea through their oeuvre.*

**Keywords:** Art's appreciation, batik, Malay, aesthetic values, trapunto.

## **PENGENALAN**

Apresiasi seni adalah satu istilah yang berasal dari Bahasa Latin *Appretiatus*. Istilah ini membawa konotasi akan penilaian terhadap sesuatu. Ini memberi kata seerti kepada istilah inggeris iaitu *Appreciate*. Merujuk istilah ini di dalam daftar Bahasa Melayu, *Appreciate* disama ertikan kepada menghargai mahupun menambah nilai. Akan tetapi jika kita merujuk kepada ilmuan seni, iaitu Almarhum Syed Ahmad Jamal, pengamatan terhadap karya seni sering dapat dilakukan dengan kesedaran bahawa sesuatu karya seni itu adalah bersandarkan kepada objek material yang memasukkan semangat magis. Sesuatu penghasilan karya itu dianggap sebagai objek yang ideal pada perasaan pemerhati penghayat. Selain dari pada itu, seni secara tidak langsung membawa seseorang itu dari alam biasa ke alam estetika. Penghayatan itu, menyerap dalam pengamatan estetika. Ilmuan Clive Bell di dalam Syed Ahmad Jamal (2010), menyatakan bahawa, emosi yang dialami oleh seseorang penghayat itu adalah emosi tersendiri yang berada di dalam alam yang terasing dari alam nyata. Hanya dengan pendekatan ini, karya seni dapat dihayati dengan sempurna, bersih dari pencemaran unsur-unsur luaran aspek seni itu sendiri. Beliau juga menyarankan, untuk menikmati sesuatu karya seni, penghayat tidak sepatutnya dipengaruhi oleh pengalaman daripada aktiviti hariannya. Ini kerana, proses penghasilan sesuatu seni rupa Melayu dipindahkan dari alam biasa ke alam seni. Suatu dimensi alam yang berbeza.

Jika kita lihat akan penerimaan sesuatu, karya adalah berbeza penerimaannya dari pelbagai sudut pandangan dan diterjemahkan kepada pelbagai suara. Ini kerana, satu karya itu, merupakan madah perantara yang sempurna antara manusiawi. Bentuk objek seni itu mandiri, yang di gabungkan dari unsur idea, maklumat dan sebagainya yang akhirnya menghasilkan sesuatu karya seni. Nilai sesuatu sifat seni adalah nilainya tersendiri. Nilai ini mewujudkan, pengalaman rohani yang tersendiri dengan matlamat yang utama. Secara tidak langsung, karya ini telah mewujudkan emosi estetika yang tulen hasil pengkarya tersebut. Menurut Almarhum Syed Ahmad Jamal (2010), Karya seni adalah imej bentuk perasaan. Karya seni tidak boleh dihasilkan oleh selain pelukis, Croce, 1972 didalam Syed Ahmad Jamal (2010). Pernyataan ini dikaitkan dengan kemahiran tampak dari karya sesorang pelukis. Pelukis mempunyai kebolehan menghasilkan karya seni, malah mereka berupaya memikirkan tentangnya, kerana suatu penghasilan karya seni adalah melibatkan proses pemikiran yang intelektual. Selain itu, Croce dan Collingwood di dalam Syed Ahmad Jamal (2010) menyatakan bahawa, karya seni itu, suatu imej mental, objek yang 'ideal' yang dinyatakan dalam bentuk fizikal melalui bahan yang terhasil daripada karya 'sebenar' dalam fikiran pemerhati.

Penghasilan sebuah karya seni yang tulen mungkin memerlukan lebih banyak kecerdikan daripada yang digunakan oleh mereka yang membanggakan diri sebagai cendekiawan. Karya seni mempunyai tujuannya yang tersendiri, dan yang tersirat di dalamnya. Malahan, penghayat menghayati sesuatu karya dan menterjemahkan idea dan pandangan intelektual mereka terhadap sesuatu karya seni yang telah dihasilkan. Gabungan proses pemikiran yang intelektual ini, menjadi satu madah untuk mereka bergabung bersama untuk menghasilkan pandangan intelektual yang lebih sefahaman. Tujuan kajian ini dilakukan adalah, untuk membuat satu apresiasi seni terhadap sebuah karya terbaru yang telah dihasilkan oleh Cik Nur Fatin binti Umar. Karya ini adalah karya terbaru pelukis, yang menggabungkan elemen seni budaya melayu dengan garapan idea intelektual pelukisnya terhadap penghayatan beliau akan gabungan elemen sarung batik tulis kepunyaan arwah nenekn

## **METODOLOGI**

Pengkaji telah menggunakan pendekatan sumber data primier dan sekunder. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data penghasilan karya kreatif. Pengkaji juga telah membuat satu sesi temubual, bersama pelukis untuk mendapatkan maklumat dari sumber pertama. Selain dari itu, pengkaji turut mengaplikasikan nilai keindahan yang telah diperkenalkan oleh Zakaria Ali. Nilai keindahan *Aesthetic value* mempunyai enam aras nilai estetika seni. Keenam-enam aras nilai estetika itu adalah berhalus, berguna, bersatu, berlawanan, berlambang dan bermakna, *finesse, functional, unity, contrasting, symbolic and meaningful*. Prinsip-prinsip ini menggambarkan bahawa nilai keindahan sesuatu karya seni dinilai berdasarkan pendekatan formalistik yang terdapat pada karya ini.

Mengaplikasikan penilaian estetika dalam hubungan formalistik oleh Zakaria Ali ini, penyelidik menggabungkan keenam-enam teori berkaitan yang digunapakai untuk menghasilkan satu apresiasi seni terhadap karya yang dipilih.

### Nilai Estetika

Terdapat enam pecahan nilai estetika yang diperkenalkan oleh Zakaria Ali. Dimana, keenam-enam nilai ini dominan untuk menerangkan setiap elemen yang mesti ditonjolkan dalam menghasilkan apresiasi seni karya yang dipilih.

**Jadual 1.** Nilai estetika oleh Zakaria Ali

Pengaplikasian nilai estetika pada seni dan kraf	Apresiasi terhadap karya
Behalus ( <i>finesse</i> )	Kemahiran pelukis
Berguna ( <i>function</i> )	Aplikasi karya / penggunaan bahan
Bersatu ( <i>unity</i> )	Kombinasi penggunaan media
Berlawan ( <i>contrast</i> )	Warna / Teknik
Berlambang ( <i>symbolic</i> )	Penggunaan bahan batik sarung
Bermakna ( <i>meaningful</i> )	Idea pelukis



**Rajah 1.** Karya: Sarung Batik Nenek ku. Oleh Nur Fatin binti Umar

## DAPATAN KAJIAN

### Apresiasi Karya

Kearifan dan kehalusan seni kerja tangan masyarakat Melayu, telah menghasilkan pelbagai jenis tekstil yang masih lagi utuh dan digunapakai hingga ke harini. Antara tekstil klasik masyarakat Melayu yang popular hingga ke hari ini adalah kain batik. Kain batik dianotasi sebagai melukis menggunakan titik. Menurut Hartini, Mazuki, Mazni dan Siti Fairuz (2021), Batik adalah satu seni kraf yang dihasilkan dari variasi teknik mereka tekstil. Di Malaysia, batik dikenali sebagai salah satu seni warisan negara yang dikenali seantero dunia. Batik dihasilkan daripada campuran lilin dan damar yang dicairkan dan dijadikan sebagai dakwat untuk melukis di atas permukaan kain. Menurut Fatin, Anis, Zainul, Muhammad, Jaysuman dan Corrienna (2022) pelbagai teknik melukis batik. Batik boleh dilukis pada fabrik kapas, rayon, sutera yang diregangkan pada pemidang untuk memudahkan teknik melukis menggunakan lilin. Proses ini dikenali sebagai mencanting. Proses mencanting menggunakan sejenis alat yang disebut “canting”. Canting diperbuat daripada tembaga, dan digunakan untuk menyeduk lilin cair yang dipanaskan. Selepas proses mencanting dilakukan, kain ini diwarna mengikut reka corak yang telah dibuat. Kemudian, kain itu, direndam di dalam *sodium silicate* untuk mematkan warna pada kain itu. Seterusnya, kain itu, direbus bersama *soda ash* untuk menyahkan lilin. Kemudian, kain itu dibilas beberapa kali kemudian dikeringkan, digosok serta disimpan dalam keadaan yang baik.

Sarung Batik Nenek ku, dihasilkan pada tahun 2021. Pelukis merupakan seorang yang mempunyai kemahiran seni rekaan fesyen. Beliau meminati seni kerja tangan halus ini sejak di alam persekolahannya lagi. Pelukis mengaplikasikan, sarung batik kepunyaan nenek nya sebagai elemen utama penghasilan karya ini. Pelukis mahir akan kerja tangan mengolah fabrik menggunakan aplikasi teknik sulaman *trapunto*, keatas permukaan yang rata digarapkan sebagai sebuah karya yang cukup indah. Teknik *trapunto* adalah satu teknik yang memerlukan kemahiran kerja tangan, yang menggabung teknik menjahit dan memasukkan *fibre* bagi memenuhi dan menggembungkan ruangan jahitan. Teknik ini adalah satu teknik hiasan yang popular dan selalu dijumpai pada hiasan dinding. Teknik jahitan *trapunto* adalah teknik jahitan yang berdimensi, sering dijumpai pada hiasan dinding tetapi belum banyak diminati oleh masyarakat (Haryati & Tiwi, 2022). Kemasan penilitian pelukis yang teliti melambangkan pelukis ini mempunyai hasil kerja tangan yang halus, dan berseni dalam menghasilkan karya bertajuk sarung batik nenek ku.

Nilai estetika yang kedua adalah berguna. Pelukis mengaplikasikan pernggunaan sehelai fabrik tulis tangan, batik. Batik merupakan satu teknik hiasan pada permukaan fabrik, yang menggunakan cairan lilin dan damar, ditulis ataupun dilukis diatas permukaan kain. Teknik ini dinamakan teknik membatik. Selain penggunaan campuran lilin dan damar yang dicairkan, Teknik menulis batik atau juga dikenali sebagai mencanting batik ini amat memerlukan kemahiran kerja tangan untuk melukis dengan kadar yang laju, sebelum campuran lilin dan damar itu tadi mengeras. Mencanting batik bermula dengan satu titik. Setelah lilin itu mula mengering dan mengeras dengan sempurna, teknik sapuan mewarna lukisan lilin itu boleh dimulakan. Setelah mewarna, kain ini akan dijemur untuk suatu jangka masa, sebelum dimatikan warnanya, seterusnya dicuci menggunakan bahan yang bersesuaian. Anatomi sarung batik, mestilah mempunyai kepala kain, badan kain, pengapit kepala kain dan kaki kain. Anatomi ini mesti dipenuhi untuk membenarkan mengenali sesuatu ciri batik Melayu itu dengan sempurna. Kebiasaanya, bahagian kepala kain, bewarna lebih menonjol berbanding badan kain. Selain dari itu juga, kepala kain batik selalunya mempunyai corak yang berbeza dari bahagian-bahagian kain batik yang lain. Symbolism penggunaan kain batik ini, didalam masyarakat Melayu adalah sebagai sehelai kain basahan untuk kaum Wanita. Sarung ini, dipakai oleh wanita Melayu pada segenap lapisan umur. Perletakan kepala kain pada posisi tertentu mempunyai perlambangan pada si pemakai, Jika kepala kain itu, dihadapkan pada sisi hadapan wanita, ini melambangkan bahawa wanita ini adalah seorang anak dara mahupun gadis sunti. Berlawanan pula, jika posisi kepala kain itu, dihadapkan pada bahagian belakang si pemakai, beerti dia adalah isteri seseorang. Perletakan posisi kepala kain di dalam budaya Melayu, membawa perlambangan yang tersendiri sejak azali lagi.

Apresiasi tentang nilai astetika bersatu, *unity*, pelukis menggunakan kombinasi penggunaan media dengan cemerlang. Dimana, pelukis menyatukan dua elemen, fabrik, papan dan *fibre* menjadi

gabungan yang menghasilkan kesatuan yang baik. Gabungan penggunaan media berjaya menimbulkan satu komposisi karya dengan gabungan dua bahan yang berlainan karekter. Pelukis memilih untuk memfokuskan pada sisi kepala kain batik sarung ini dalam komposisi menegak. Susunan motif berpunca. Punca motif flora gabungan motif bunga dan dedaun berpunca dari tengah medan kanvas menegak menyelusuri bahagian atas kanvas. Kanvas ini mempunyai sisi pandangan yang seimbang, dimana taburan kuntuman bunga-bunga kecil dan dedaun meliputi permukaan kanvas dalam komposisi yang seimbang. Keseimbangan yang terdapat pada kanvas Sarung Nenek Ku ini menggambarkan bahawa pelukis amat memilih untuk lukisan ini dalam imbangan yang seimbang. Berpunca dari motif dedaun besar dan sekuntum bunga bewarna perang sebagai paras permulaan karya ini dibaca. Selain dari itu, perincian manik dan labuci sewarna telah menaikkan lagi seri, keindahan pada karya ini. Gabungan kesemua elemen ini bersatu dengan sempurna dalam menghasilkan karya seni ini.

Seterusnya, aras apresiasi nilai berlawanan. Pengkaji memandang pada sisi pandangan berlawanan terhadap warna yang terkumpul didalam karya ini. Gabungan warna primer dan sekunder digarapkan didalam satu kanvas. Warna primer ditafsirkan sebagai satu set warna utama yang terdiri daripada pewarna atau warna yang boleh dicampur dalam jumlah yang berbeza-beza, untuk menghasilkan julat keseluruhan jenis warna yang boleh dipaparkan oleh paparan komputer, atau dikenali sebagai gamut warna. Kumpulan warna primer adalah merah, kuning dan biru. Ini berbeza pula pendekatan kepada warna sekunder. Warna sekunder adalah satu warna yang diperolehi daripada menggabungkan bahagian yang sama dengan dua warna utama. Satu aspek menarik warna sekunder adalah, bagaimana penggabungan warna ini dihasilkan. Warna sekunder terhasil dari, menambah dan menolak pigment warna primer. Gabungan warna ini menghasilkan warna hijau, jingga dan violet. Akan tetapi untuk mendapatkan kod warna itu, teknik gabungan dan penolakan pigmen warna primer amat penting untuk mendapatkan ratio warna yang dikehendaki. Pelukis mahir menggabungkan, komposisi sarung batik dengan gabungan berlawanan warna primer dan sekunder di atas satu kanvas. Ini berjaya menghasilkan gabungan berlawanan yang menghasilkan satu komposisi karya yang seimbang dari sudut pemilihan warna, komposisi dan keseimbangan karya ini.

Berlambang, apabila dikatakan sebagai satu nilai estetika yang membawa maksud berlambang, diertikan sebagai sesuatu yang mempunyai identitinya yang tersendiri. Jika kita lihat pada satu bahan budaya yang ketara, di dalam masyarakat melayu sarung batik adalah satu lambang yang dikaitkan dengan budaya Melayu mahupun rumpun melayu di nusantara. Batik, lambang kepada peradaban sesebuah nusa dan bangsa Melayu. Dimana sarung batik ini, menjadi satu elemen budaya yang dipertahankan sehingga ke hari ini. Cumanya, penggunaan dan penggunaan batik itu, lebih meluas di praktikkan pada perletakan dan tujuannya yang tersendiri. Pelukis mengolah, penggunaan batik sarung peninggalan neneknya sebagai media utama karya ini. Nilai estetika yang keenam, adalah nilai bermakna. Nilai ini lebih kepada idea intelektual pelukis. Apresiasi terhadap nilai estetika keenam ini, digambarkan sebagai satu nilai estetika yang menyentuh nilai sentimental pelukis itu sendiri. Pelukis menggarapkan, penggunaan sarung batik empunya neneknya kerana, pelukis merupakan seorang cucuanda perempuan yang amat rapat dengan neneknya. Susuk tubuh nenek yang menjadi satu lambang keperibadian wanita yang didambarkan oleh pelukis. Keperibadian neneknya mencerminkan keperibadian wanita melayu, dimana wanita melayu itu mempunyai kepelbagaian kemahiran diri yang meluas. Wanita melayu, adalah satu figura yang terpenting didalam sebuah keluarga Melayu. Tanggungjawab seorang wanita di dalam rumah menggambarkan keperibadian dirinya. Di dalam budaya melayu, anak gadis mestilah serba serbinya mahir menguruskan diri nya dengan baik. Ini kerana, suatu hari nanti setelah mereka bernikah dengan pasangan hidupnya, merekalah tulang belakang keluarga yang bertanggungjawab untuk melahirkan, mengasuh dan mendidik waris mereka budaya bangsa agar menjadi insan yang berguna kepada keluarga, agama, dan nusa bangsa.

Keperibadian diri wanita melayu itu, mestilah mempunyai pelbagai kemahiran, samada, menjahit, memasak, mengasuh, mengemas dan sebagainya. Lazimnya, di dalam budaya Melayu, anak cucu dibesarkan dan diasuh oleh nenek. Pelukis mempunyai satu pertalian yang akrab bersama neneknya, dia membesar dengan melihat keperibadian susuk nenek hingga usianya menginjak remaja. Atas keakraban pertalian kasih sayang ini, pelukis menjadikan sarung batik kegemaran peninggalan neneknya sebagai elemen utama karya ini. Pelukis menyatakan rindunya yang tidak terperi, akan semua kenangannya bersama neneknya. Intepretasi pelukis akan kenangan dan rindunya pada momen-momen bersama neneknya itu, terbayang bila beliau melihat sarung batik kegemaran neneknya ini. Sarung batik ini sahajalah, yang menemani bagi mengubati kerinduan pelukis kepada neneknya

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Apresiasi seni adalah salah satu kaedah penghargaan seni, terhadap sumbangan pengkarya yang dibuat dari segi intelektualan idea penggamat, mahupun pengkaji karya. Terdapat beberapa faktor yang vital terhadap apresiasi karya ini. Pertama, apresiasi karya adalah satu sumbangan penting untuk menyatakan pengalaman manusia. Karya seni itu dicipta untuk menyatakan sesuatu idea intelektual dalam gaya bahasa bentuk menghasilkan sebuah karya. Manusia berevolusi, secara visual dengan melihat dan menggunakan deria penglihatan untuk menyatakan isi mahupun pandangannya. Akan tetapi, gaya bahasa seni ini sangat subjektif. Setiap individu mempunyai gaya dan lenggok bahasa yang tersendiri. Selain dari itu, apresiasi karya sebagai mudah untuk berkomunikasi. Sering kali kita dengar akan istilah, *lets the photos speak by itself*. Bagaimana ini boleh terjadi? Tanpa mengetahui lengok bahasa seni, sesuatu yang berinteraksi dengan kejadian manusia mampu untuk berkomunikasi secara alami. Sebagai contoh, jika kita melihat sesuatu simbol lukisan, kita boleh memahami isi yang disampaikan oleh gambaran itu. Walaupun, tiada sebarang konsonan tulisan pernyataan gambar rajah tersebut. Atas erti nama lain, seni adalah persepsi sisi kita terhadap realiti menerusi imaginasi dari kaca mata seseorang. Seni berupaya meningkatkan banyak aspek sisi lain dalam kehidupan seharian kita.

Apresiasi seni mampu untuk membuka laluan ke dimensi lain. Ini tampak pelik, namun mempunyai penghayatan yang berbeza. Ini berkait rapat dengan pengalaman individu. Tidak dapat dibandingkan dengan pengalaman anak kecil bersama pengalaman seorang veteran. Tentunya, laluan ini berbeza haluan kerana kemampuan dan pengalaman individu itu berbeza-beza. Inilah antara kepingan penghayatan terhadap sesuatu karya. Selain itu, apresiasi seni juga mampu untuk menjadi asbab kita untuk terus hidup. Bunyi yang agak ganjal, tetapi inilah realiti dunia kini. Ada yang menjadikan seni sebagai sumber pendapat mereka. Jika kita lihat senario pekerjaan zaman kini, ramai *freelancer artists* dari pelbagai lapisan umur dan pengalaman mereka. Selain dari itu, seni juga menjadi punca mereka terus hidup. Ini berkaitan dengan pengalaman dan seperti yang dibincangkan dalam nilai estetika bermaksud karya ini tadi. Pelukis menjadikan karya ini sebagai satu garapan momen bersama neneknya pada masa dahulu. Ini membuatkan satu loncatan semangat kepada pelukis agar tidak meratapi pemergian neneknya, malah terus kuat untuk meneruskan semangat jati diri sebagai seorang gadis melayu hingga dewasa. Malahan, seni juga sebagai metafora untuk berkomunikasi. Seni lambang komunikasi. tidak semua mampu menguasai lebih dari dua bahasa ibunda. Inilah antara punca mengapa apresiasi seni itu, mampu menjadi satu isu yang berkuasa untuk menangani isu-isu yang paling berkuasa dalam pengalaman manusiawi. Cara ini mampu membantu manusia menangani taraf kita manusia menangani perkara-perkara yang sukar dan mencabar. Antara sebab lain pentingnya apresiasi seni ini adalah, ia merupakan satu akses pengetahuan yang meluas kepada sejarah.

Tulisan bukan semuanya mempunyai aksara yang serupa, akan tetapi jika kita imbau kembali kepada sejarah penemuan tulisan awal di dinding gua, majoritnya digambarkan melalui lukisan dan figura. Imej-imej yang dicacah pada permukaan dinding mahupun kulit seperti tatu, menjadi satu akses kepada sejarah yang patut dikaji. Tambahan pula, kepentingan apresiasi seni ini, membolehkan kita menyerlahkan potensi diri. Potensi diri individu berbeza melalui pengalaman dan penghayatan serta cara berfikir individu tersebut. Mencuba aktiviti baru, mampu memberikan kesan kepada perkembangan minda dan diri individu. Akhir sekali, apresiasi karya adalah satu media yang lebih bermakna selain komunikasi. Seni adalah satu bentuk komunikasi yang indah yang mendedahkan persepsi kita terhadap dunia. Seni menunjukkan kepada penghayat betapa berbezanya setiap individu itu untuk mendalami dan memahami pelbagai corak berfikir sesuatu otak itu akan perkembangan dunia. Akan tetapi, apresiasi seni itu penting, untuk mempersoalkan bagaimana tafsiran individu tentang amalan budaya, keagamaan, tindakan dan kepercayaan kita sebagai seorang manusia. Apresiasi seni juga, menawarkan gaya dan cara untuk mengembangkan idea, sebagai satu mudah promosi, dan persepsi diri individu.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini merupakan satu apresiasi seni terhadap rekaan satu karya seni berdasarkan kepada karya seni tampak yang dihasilkan oleh pelukis. Pelukis ini mempunyai keperibadian seorang gadis melayu, yang mempunyai jati diri Melayu yang utuh. Hasil pengalamannya membesar diasuh oleh satu figura yang berlatar belakangkan jati diri wanita melayu sebenar. Ini menguatkan kepada penghasilan karya yang berimpak tinggi, serta jalinan budaya material melayu. Pengkaji, mengaplikasikan menggunakan teori nilai estetika, enam prinsip estetika oleh Zakaria Ali sangat menonjolkan nilai estetika karya ini. Satu karya pegun, apabila diberikan apresiasi keindahan yang sesuai, mampu menjadikan karya itu hidup dalam gayanya yang tersendiri. Terdapat juga elemen sisi kemelayuan diri pelukis, dari sisi pengamatan seorang cucu. Di usia yang kecil, pelukis mampu mengingati segala ilmu tauladan didikan neneknya hingga ke usia dewasanya. Namun, hasil kearifan intelektual dan kreativiti pelukis menjadikan karya ini ke suatu tahap yang berbeza, dan masih relevan hingga ke hari ini. Jika kita lihat, anak gadis kini lebih memilih menggayakan celana dan *dress* berbanding sarung batik. Banyak inisiatif kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk mengetengahkan dan menghidupkan semula penggunaan sarung batik sebagai sesuatu budaya yang lebih serius pada zaman ini. Sebagai satu inisiatif kerajaan, menjadikan hari khamis sebagai hari batik. Dimana, seluruh penjawat awam, mesti menggayakan pakaian batik ke pejabat pada setiap hari khamis. Selain dari itu, batik juga menjadi salah satu busana rasmi untuk aktiviti persatuan dan pakaian rasmi pelajar sekolah. Dengan itu, penyelidik berharap agar apresiasi seni karya, mampu menjadikan dan mengangkat pelukis-pelukis baru dan menjadikan mereka lebih berani untuk menghasilkan karya dengan lebih aktif. Secara tidak langsung, pendekatan medan ini mampu menjadikan nusa bangsa Melayu lebih cakna, akan kepentingan apresiasi karya agar digunapakai pada platform yang betul, supaya budaya material melayu ini mampu duduk sama tinggi dengan budaya material budaya asing.

## RUJUKAN

- Apresiasi, Dewan Bahasa dan Pustaka. Carian Umum (dbp.gov.my)
- Agency, A. (6 March 2020). Recycled beauty: Artist turns waste into artwork. Retrieved from Daily Sabah: <https://www.dailysabah.com/arts/recycled-beauty-artist-turns-waste-into-artwork/> news.
- Azah Aziz (2009) *Rupa dan Gaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Denny Eko Wibowo & Widyanarto (2021) *Penerokaan Rekaan Hasil Kreatif Tari Seni Inai Berdasarkan Tari Inai dari Panggak Laut, Daik Lingga sebagai sumber Penciptaan Tari*, Vol 9 No 1 2021(1-15) Artikel\_1.pdf (mohe.gov.my).
- Daoling Chen., & Pengpeng Cheng. (2021). A Method to Extract Batik Fabric Pattern and Elements, The Journal of The Textile Institute, 112:7, 1093-1099, DOI: 10.1080/00405000.2020.1802885.
- Ensiklopedia Sejarah dan kebudayaan Melayu, (1999), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatin Aliah Phang, A. N. (2022, May 17). Environmental Awareness in Batik Making Process. *Sustainability* 2022, pp. 1-14. doi: <https://doi.org/10.3390/su14106094>
- Grant Pooke & Diana Newal (2008) *Art Histoy the basic*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- G. N. Hafiza, I. Marzuki dan W. M. Z. Soliana (2021) *The Application of Batik Block motifs and marbling technique as pattern designs in contemporary batik*. <https://doi.org/10.1063/5.0052330>
- Haryati Dwi Suhestin & Tiwi Bina Affanti (2022) *Penciptaan Hiasan Dinding Melalui Teknik Batik Kombinasi Trapunto*. Vol 5, No 1, Texture Art & Culture Journal. Penciptaan Hiasan Dinding melalui Teknik Batik Kombinasi Trapunto | Suhestin | TEXTURE: Art and Culture Journal (isi-ska.ac.id)
- H.L.H. Harrison (1969) *The Sarong and The Kris: Captain'row*, Lymington, Hampshire, Nautical Publishing Company.
- H.M. Razali, M. Ibrahim, M. Omar dan S. F. M. Hashim (July 2021) *Current Challenges of the Batik Industry in Malaysia and Proposed Solutions*. Doi:10.1063/5.0055651
- IF. Bambang Sulistyono, Yayan Suherlan (2020) *Pengembangan dan Peningkatan Kualitas Kerajinan Batik Lukis sebagai elemen Interior do Sondakan Laweyan Surkarta*. Webinar Nasional Pengabdian Masyarakat.
- Mubin Sheppard (1972) *Taman Indera, Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- O. S Akirrujomu (2020). *Adaptation of some aspect of Yoruba Indegenous Handcrated Textile for the Production of Modern Interior Decoration*. Vol. 7 No. 1 March 2020. E-ISSN 2348-1269.
- Otto G. Ocvirk, Robert Sinson et.all (2008) *Art Fundamentals: Theory and Practice*. United States: McGraw-hill Companies.
- Rohmah Purwanti, Sarah Rum Handayani, Tiwi Bina Affanti (2020). *Kombinasi Teknik Ikat Celup dan Trapunto untuk Partisi*. Ornamen Jurnal Kriya. Vol. 17 No. 2. July 2020. <https://jurnal.isi-ska.ac.id/index.php/ornamen/article/viewFile/3257/3194>
- Salventius. (13 January 2021). salventius. Retrieved from <https://www.salventius.com/>
- SNWA, (23 October 2021). Sustainable Neighbourhoods Waste to Art Exhibition 2021. Retrieved from <http://www.sustainableneighbourhoods.org.au/waste-to-art.html>
- Syed Ahmad Jamal (2010). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy (1989). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Ali (1989) *Seni dan Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.